

## AMALAN MAJLIS SELAWAT KAMILAH DI NEGERI JOHOR

### THE PRACTICE OF SALAWAT KAMILAH GATHERING IN THE STATE OF JOHOR

Ahmad Bakhtiar Jelani<sup>1\*</sup>

Mohd Azman Mohsin<sup>2</sup>

Muhammad Yusri Yusuf @ Salleh<sup>3</sup>

Paiz Hassan<sup>4</sup>

Ahmad Firdaus Mhd Noor<sup>5</sup>

Khafizatunnisa' Jaafar<sup>6</sup>

Zainal Azwar<sup>7</sup>

<sup>1</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Kampus Tapah, Perak, Malaysia.  
(E-mail: ahmadbakhtiar@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Sekolah Dakwah, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), Kg Aman, Larkin Jaya, Johor Bahru.  
(E-mail: azmanmohsin@kuijsi.edu.my)

<sup>3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak, Malaysia.  
(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

<sup>4,5,6</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak, Malaysia.  
(E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

<sup>5</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak, Malaysia.  
(E-mail: firdausnoor@uitm.edu.my)

<sup>6</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak, Malaysia.  
(E-mail: khafiz920@uitm.edu.my)

<sup>7</sup>Fakultas Syariah, Universitas Islam Negeri UIN Imam Bonjol, Padang Sumetera Barat, Indonesia.  
(E-mail: zainal78datuak@yahoo.co.id)

\*corresponding author

#### Article history

**Received date** : 22-7-2024

**Revised date** : 23-7-2024

**Accepted date** : 15-8-2024

**Published date** : 30-8-2024

#### To cite this document:

Jelani, A. B., Mohsin, M. A., Yusuf @ Salleh, M. Y., Hassan, P., Mohd Noor, A. F., Jaafar, K., & Azwar, Z. (2024). Amalan majlis selawat kamilah di negeri Johor. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 112 – 129.

**Abstrak:** Kajian ini membahas amalan membaca selawat kamilah di Negeri Johor. Selawat kamilah merupakan amalan bernuasa tasawuf yang semakin diterima secara meluas oleh pemerintah negeri dan juga rakyat di negeri Johor. Keistimewaan amalan ini terkandung dalam berbagai manuskrip klasik dan juga moden sebagai satu amalan keagamaan yang mendekatkan diri pengamal selawat dengan Rasulullah SAW. Sebuah amalan yang sedang mula diterima oleh semua peringkat dalam masyarakat di negeri Johor, amalan selawat kamilah ini turut menerima beberapa kritikan dan sanggahan terutamanya keabsahan selawat kamilah ini yang dianggap bukan dari amalan Rasulullah SAW. Bantahan juga turut melibatkan berkaitan signifikasi selawat ini terhadap gerakan dakwah di negeri Johor, samada ia berkesan atau sebaliknya terhadap perkembangan dakwah di negeri Johor. Maka kajian ini menyusun fakta dan data dalam memberikan keterangan awal terhadap keabsahan amalan

berselawat kamilah yang dianggap unik dalam negara ini dengan menggunakan kaidah penyelidikan lapangan serta menyemak beberapa literatur yang menyentuh langsung tentang amalan berselawat ini dari negara lain yang mengamalkannya.

**Kata Kunci:** Amalan, Salawat, Kamilah,

**Abstract:** This study discusses the practice of reciting the Selawat Kamilah (special form of salutations) in the state of Johor. As a religious practice rooted in Sufism, the recitation of Selawat Kamilah has been widely accepted by the state government and the people of Johor. The uniqueness of this practice is documented in various classical and modern manuscripts as a religious practice that brings the practitioners closer to the Prophet Muhammad (SAW). As a practice that is gaining acceptance across all levels of society in Johor, the Selawat Kamilah practice has also faced criticism and objections, particularly regarding its authenticity based on the practices of the Prophet Muhammad (SAW). Objections also involve concerns about its impact on the da'wah movement in Johor, whether it is effective or otherwise in the development of Islamic da'wah. Therefore, this study compiles facts and data to provide preliminary insights into the authenticity of the Selawat Kamilah practice, considered unique within the country, using field research methods and referring to literature that directly addresses this practice from other countries where it is observed.

**Keywords :** Practice, Reciting, Selawat Kamilah

## Pengenalan

Pembudayaan sesuatu amalan dalam Islam juga merupakan salah satu proses Islamisasi kehidupan terhadap umat secara keseluruhan. Ia merupakan satu proses panjang yang memerlukan penglibatan secara aktif terutamanya dari kalangan rakyat dan juga para pimpinan dalam masyarakat. Selain itu juga, pembudayaan agama dalam masyarakat juga dilihat sebagai sebuah aplikasi kecerdasan tempatan yang memahami akan keperluan untuk membina masyarakat muslim tempatan agar memiliki keperibadian tinggi serta ilmu yang mendalam. Proses Islamisasi dalam budaya ini juga turut menerima sentuhan kerohanian dari pelbagai bentuk amalan zikrullah dan selawat para ahli tarekat yang telah bertapak lama dalam dunia melayu hingga kini. Pengaruh dan juga faktor seperti inilah yang dianggap sebagai pemangkin dan penerus kepada keutuhan dan kemenjadian bangsa muslim menuju ketamadunan dan berperadaban.

Dalam proses pembudayaan satu amalan keagamanan dalam masyarakat, salah satu prinsip yang dipegang adalah amalan tersebut bertujuan dakwah serta mendekatkan umat Islam kepada kebenaran ajaran yang dibawa Rasulullah SAW. Ia merupakan kemaslahatan utama yang perlu dicapai oleh para pemimpin, ulama' dan rakyat untuk mengekalkan hala tuju serta tujuan hidup terus dapat difokuskan. Penghayatan dalam amalan berselawat ini diperlihatkan dengan tradisi keagamaan yang dilaksanakan tanpa adanya unsur bidaah kesesatan, khurafat dan syirik sepanjang amalan itu dihidupkan dalam masyarakat. Tradisi ini tidak hanya berlaku hanya berdasarkan ikutan pada amalan para ulama dan para masyayih semata mata, namun ia juga ditunjangi dengan penguasaan ilmu yang disampaikan dengan berdasarkan pandangan para ulama' muktabar dalam mazhab ahli fiqh, aqidah dan tasawuf.

Pengaruh amalan tarekat tasawuf dianggap mempunyai peranan yang meluas dalam pembinaan amalan kerohanian umat Islam di Malaysia khususnya di Negeri Johor. Tradisi amalan ini telah

dianjurkan dalam tempoh yang agak lama dan ia masih bertahan hingga kini. Tradisi amalan lain yang masih dipertahankan antaranya majlis Maulidur Rasul, bacaan yasin dan tahlil secara mingguan terutama pada malam jumaat, majlis bacaan berzanji, marhaban, beratib samada ratib al-Attas atau ratib al-Haddad, majlis haul tokoh Islam tertentu dan sebagainya. Kini, walaupun ianya masih terus berjalan dan bertahan sebagai budaya keislaman, namun ia tidak lagi semeriah dulu. Sejarah negeri ini telah membuktikan ramai para pembimbing, penggerak dan pengikut majlis-majlis ini telah kembali ke rahmat Allah dalam keadaan husnul khatimah (kesudahan yang baik).

Pengkaji melihat dan mendapati bahawa tradisi amalan majlis selawat kamilah (MSK) secara berjamaah di masjid, surau, sekolah agama, rendah, menengah, madrasah, pusat pengajian tinggi, jabatan-jabatan kerajaan malahan di rumah kediaman orang Islam telah mendapat sambutan yang sangat baik di kalangan umat Islam negeri ini. Hal ini disebabkan kesedaran, keinsafan terhadap kepentingan mempertahankan tradisi dan budaya amalan berselawat dalam pendekatan dan pengukuhan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al-Asyairah Wal Maturidiah, al-Junaidiyah al-Ghazaliyah sebagaimana dalam warta kerajaan negeri Johor 2016 serta perintah Allah SWT sendiri dalam surah Ahzab, 33:56 dari para pimpinan di Jabatan Agama Islam, Jabatan Mufti, Jabatan-Jabatan kerajaan, Sekolah, Madrasah, Pusat Pengajian Tinggi malahan rumah-rumah kediaman.

### Latar Belakang Sighah, Hukum Dan Faedah Berselawat

Selawat adalah merupakan ibadah yang diperintahkan oleh Allah SWT. Sekaligus ia menjadi ibadah yang telah dilakukan oleh para sahabat, tabi'in, tabi'ut tabi'in, para wali, ulama dan orang awam hingga ke hari ini. Selawat ini adalah amalan istimewa yang telah lama diamalkan secara konsisten oleh para ahli tarekat, para salik. Selawat adalah ibadah yang diperhitungkan ganjaran 10 pahala kepada pembaca dan pengamalnya dengan sekali bacaan sahaja. Ia juga adalah ibadah dan kenangan terindah antara Allah SWT, para malaikat dan hambaNya tercinta iaitu Baginda Rasulullah saw, juga kenangan terindah antara Rasulullah SAW serta umatnya yang beriman. Para ulama' telah membahagikan sighah atau bentuk selawat itu kepada dua bahagian iaitu sighah selawat yang bersumberkan kepada Nabi Muhammad saw seperti Selawat Ibrahimiyah yang diwajibkan membacanya dalam solat iaitu ketika setiap tahiyyat akhir dalam solat lima waktu (Erwanto & Athaillah, 2023).

Terdapat juga sighah selawat dari susunan para sahabat, para wali-wali Allah, para tabie tabien di kalangan hamba-hambaNya yang saleh. Terdapat dua lafaz utama dalam semua selawat. Kedua dua lafaz ini merupakan doa yang dimohon bagi mereka yang berselawat. Dua lafaz tersebut adalah selawat dan mohon keberkahan. Lafaz pertama terletak pada ayat "*Allahuma Solli Ala Muhammad*" yang bermaksud "Ya Allah limpahkanlah selawat ke atas nabi Muhammad". Lafaz pertama ini membawa maksud rahmat dan memuliakan Rasulullah SAW. Manakala lafaz yang kedua *Allahuma Barik* yang bermaksud "Ya Allah limpahkanlah keberkahan ke atas baginda Rasulullah SAW". Lafaz ini bermaksud, memohon agar Allah menambah keberkahan, melipatgandakan kerahmatanya kepada Baginda Rasulullah SAW. (A'yuni, 2016). Berselawat dan memohon ke atas nabi ini juga terdapat beberapa lafaz yang telah dikenal pasti. Antara lafaz yang ditemui dalam hadis adalah '*ala Muhammad*', '*ala Muhamadin Nabiyil Ummi*' dan '*ala Muhamadin abdika wa rasulika*'. Lafaz *saidina* tidak ditemui ketika membahas akan lafaz-lafaz selawat dari hadis nabi. (A'yuni, 2016). Mana-mana lafaz selawat yang menambah lafaz *saidina* merupakan lafaz yang ditambah namun lafaz tambahan ini terdapat dalam bacaan tarekat tasawuf.

Selawat juga mengandungi doa dan permohonan istigfar kepada Allah SWT. Menurut kamus Munawir, lafaz kata (صلی) solli itu bermaksud doa. Manakala lafaz penuh kata selawat (صلوات) ini berkait terus dengan lafaz (صلاة) solat yang juga bermaksud doa (Ni'mah, 2020, Munawir, 1984). Seni berdoa dalam selawat telah diilhamkan oleh perindu dan pencinta Rasulullah saw dalam munajat-munajat dan rasa kasih yang mendalam mereka terhadap nabi mereka. Oleh yang demikian, maka terdapat di sana *sighah* yang sangat banyak dengan namanya yang sangat banyak dan berbeza seperti selawat nur, sifa', taj, azamiyah, nur zat, kamilah dan sebagainya (Abdul Wahab, ;Idrus Ramli, 2017).

Selawat kamilah adalah termasuk dari bentuk dan sighah yang bukan bersumber dari Rasulullah SAW, para sahabat, para tabien kecuali susunan doa dari seorang tokoh ulama' tasawuf yang dikenali dengan nama Sheikh Ibrahim bin Muhammad Ali At-Tazi (866H). Seorang wali agung yang berasal dari kota Taza. Meninggal dunia dan dimakamkan di zawiayahnya di kota Wahran, Algeria, berhampiran kubur gurunya al-Hawwari. Lalu makamnya dipindahkan secara sembunyi oleh muridnya ke Benteng Bani Rashid disebabkan tapak kubur tersebut telah dijadikan tempat duduk oleh penjajah Sepanyol yang dating menjajah Algeria. Beliau berguru Syed Sheikh al-Qadi Muhammad bin Ahmad bin Ali al-Hasani al- Fasi di Kota Mekah. Manakala gurunya di Kota Madinah pula Sheikh Abul Fatah Muhammad bin Ali Bakr al-Quraisyi al-Syafie dan Sheikh Abi Zakariya Yahya al-Wazi.

Sighah Selawat kamilah adalah seperti berikut:

اللهم صل صلاة كاملة ، وسلم سلاماً تاماً على سيدنا محمد الذي تتخل به العقد ، وتترجرج به  
 الكرب ، وتقضي به الخواج ، وتنال به الرغائب ، حسن الخواتيم ، ويستنقى الغام بوجهه  
 الكريم ، وعلى الله وصحابه في كل لمحه ونفس بعد كل معلوم لك

Maksudnya :“*Ya Allah, limpahkan rahmat yang penuh dan kesejahteraan yang sempurna ke atas penghulu kami Nabi Muhammad saw yang terungkai dengannya segala simpulan dan terhapus dengannya segala kesusahan dan diselesaikan dengannya segala hajat dan dicapai dengannya segala harapan dan kesusahan hidup yang mulia serta diharapkan turun hujan dengan berkat wajah Baginda yang mulia. Dan juga ke atas keluarga Baginda dan para sahabatnya pada setiap detik dan nafas dengan bilangan setiap yang maklum bagiMu*”

Bacaan selawat ini merupakan amalan yang sangat kurang dibincang dan dibahaskan secara meluas dan mendalam terutama dalam dunia akademik. Perbahasan tentang selawat, kepentingan, faedah dan keberuntungan pengamalnya dibahas dalam yang wacana ketiga selepas Islam dan Iman yaitu ilmu Ehsan (hakikat zahir dan batin atau tasawuf). Pengaruh tarekat dan tasawuf dalam amalan berselawat menjadikan ia dianggap sebagai amalan yang hanya dikhususkan kekerapan jumlah bacaan tertentu oleh para pengamal tarekat dan tasawuf sahaja.

Nama lain bagi selawat *kamilah* (sempurna) ini adalah selawat *tafrijiyah* (penyelesaikan masalah), *Nariah* (api yang cepat membakar kayu) kerana cepat kabul hajat pengamalnya, *Taziyah* (negeri asal penyusunnya di daerah al-Tazi, Maghribi) atau *al-Qurtubiyah* (Imam al-Qurtubi (w.1273M) yang membudayakan bacaan selawat ini sebanyak 4444 kali bagi sesuatu hajat-hajat yang besar (Ahmad Tunggal, 2017).

Kepentingan dan faedah berselawat ke atas Rasulullah saw telah dibahas oleh para ulama' terdahulu antaranya melaksanakan serta menjayakan perintah Allah SWT agar kita sentiasa

berselawat ke atas Nabi Muhammad saw sebagaimana maksud surah al-Ahzab, 33:56 bahawa Allah SWT dan para malaikatNya yang ramai semuanya berselawat ke atas Baginda Nabi. Allah berfirman dengan maksudnya:

*“Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas nabi, wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu untuk Nabi mu dan ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan kepadanya”.*

(al-Ahzab 33:56)

Menurut para ahli tafsir, ayat di atas menunjukkan kemuliaan, ketinggian, keagungan, penghormatan yang sebaik-baiknya dari Allah SWT kepada hambaNya yang paling dicintai. Perbuatan selawat umat Nabi Muhammad kepada Baginda adalah saat-saat kegembiraan Rasulullah saw sebagaimana juga gembiranNya Baginda apabila turunnya surah al-Ahzab, 33:56 ini. Manakala Imam al-Shafie (w.204H) dalam maksud mutiara katanya “Adalah kefarduan bagi kami menyintai ahli bait Rasulullah saw kerana Allah SWT juga menyintai mereka, cukuplah keagungan Rasulullah saw dan ahli bait Baginda, tiada sah solat seseorang yang tidak menyebut nama Baginda (berselawat atas baginda dan ahli bait Baginda)”.

Selawat ke atas Nabi Muhammad adalah termasuk dari bahagian zikrullah. Allah SWT mengulangi perkataan selawat dalam al-Quran lebih kurang sebanyak 75 kali (Mohd Azman, 2023). Antara faedah berselawat adalah menghasilkan nusrat (pertolongan) melalui para malaikat sebagai tentera Allah SWT di atas muka bumi ini, temasuk menghasilkan ketenteraman jiwa dan rohani. Sebagaimana Baginda mendapat bahagian selawat dari Allah dan para malaikatNya, orang beriman yang banyak berzikir dari umat Nabi Muhammad juga mampu meraih selawat dari Allah SWT dan para malaikatNya sehingga mereka dikeluarkan dari bencana kegelapan ilmu dan iman, kepada cahaya ilmu dan iman yang terang benderang, maksud surah al-Ahzab, 33:43

*“Dialah yang memberi rahmat kepadamu dan malaikatnya (memohon ampunan untuk mu) supaya dia mengeluarkanmu dari kegelapan kepada cahaya (yang terang). Dan dialah yang maha pengasih kepada hambanya yang beriman”.*

### Permasalahan Kajian

Perkembangan semasa dalam masyarakat menunjukan ada berbagai-bagai bentuk cabaran dalam yang dianggap berhasrat untuk menghilangkan jatidiri melalui budaya keislaman. Cabaran mempertahankan budaya bangsa menerusi pembinaan budaya keislaman kini berdepan cabaran kritikan dalam melestarikan budaya keislaman dalam masyarakat. Terdapat pandangan dari dalam umat Islam sendiri yang memberikan keritikan negatif terhadap budaya keislaman itu sendiri.

Kritikan ini ditujukan dalam budaya membaca selawat terutamanya pada amalan membaca selawat kamilah ini seperti *bid'ah kesesatan, khurafat, ghulu* (amalan melampui batas syara'). Dakwan mereka antaranya bacaan selawat kamilah ini tidak ada nasnya dari mana-mana hadis nabi yang sahih, terutamanya bacaan secara berjamaah. Lafaz selawat kamilah tidak sama seperti lafadz selawat yang nabi pernah ajarkan kepada para sahabat, maka iannya merupakan satu bid'ah yang tertolak. Bid'ah seperti ini merupakan satu perbuatan yang terlarang dan menyimpang dari ajaran Islam. Malah ada juga yang mendakwa amalan berselawat kamilah ini adalah perbuatan yang membawa kepada syirik kepada Allah (Zamhari & Mustofa, 2020).

Kenyataan yang di buat secara umum ini, malangnya telah diterima oleh sebilangan umat awam, dan mereka turut bersetuju dengan dakwaan selawat kamilah in adalah bid'ah kesesatan, khurafat dan ghulu. Hal ini terus melanda dan berkembang dalam masyarakat, apabila terdapat pihak-pihak tertentu yang tidak bersetuju dengan budaya membaca selawat kamilah ini dari terus dianjurkan di setiap masjid dan surau. Mereka mendakwa setiap bid'ah itu sesat dan oleh yang demikian ia sewajarnya ditinggalkan dari diamalkan (Zamhari & Mustofa, 2020; Suara Sunnah, 2024)) Tidak hanya bacaan selawat kamilah secara berjemaah, malah bacaan selawat yang dibaca setiap kami selepas dua rakaat solat tarawih juga turut diserang dengan dakwaan bid'ah yang wajar ditinggalkan.

Selain dianggap sebagai *bid'ah*, selawat kamilah ini juga dipernah dituduh membawa maksud kesyirikan. Menurut Dr. Firanda Ginanjar (pendakwah pro sunnah/salafi di Indonesia), apabila mereka meneliti maksud dari selawat tersebut yang mengandungi maksud para pengamal selawat ini meminta dan memohon kepada Rasulullah SAW dan tidak berdoa kepada Allah. Lafaz-lafaz selawat tersebut seperti berikut : “semua ikatan-ikatan yang sulit dapat dileraikan (berkat Rasulullah SAW), kesedihan akan tersingkap/terpenuhi (lantaran Rasulullah SAW), semua keperluan akan terpenuhi (lantaran Rasulullah SAW), keinginan boleh diraih (disebabkan Rasulullah SAW), serta husnul khotimah (disebabkan Rasulullah SAW), dan hujan diturunkan oleh Allah (berkah dari mulianya wajah Rasulullah SAW)”. Setelah mereka meneliti akan maksud selawat ini, mereka menganggap, pengamal selawat kamilah jelas tidak memohon kepada Allah, sebaliknya memohon kepada Rasulullah SAW. (Warta Kerajaan Johor). Mereka berhujah dengan ayat 57 dari surah al-Isra :

*“Bahkan sesembahan yang mereka seru selain Allah itu justeru mencari kedekatan kepada Rabb dengan menempuh ketaatan supaya mereka semakin dekat kepada-Nya dan mereka pun berharap terhadap rahmat-Nya serta merasa takut akan azab-Nya. Sesungguhnya siksa Allah adalah sesuatu yang patut kamu takuti”.*

Menerusi ayat ini, mereka menyebut “apabila mereka berdoa kepada Nabi Isa, memuja malaikat atau jin-jin yang saleh, mereka semua akan diancam dengan siksaan yang pedih”. Oleh itu, mereka mendakwa amalan membaca selawat kamilah ini akan menjadikan si pengamal selawat ini memohon kepada Allah samada untuk menghilangkan kesedihan, menyembuhkan penyakit dan sebagainya (Ari Wahyudi, 2022).

Menurut suara sunnah.com (sebuah website pro sunnah), Imam Ibn Hajar alAsqalani (852H) telah berkata, para penyair yang memeluk Islam pada zaman nabi merupakan mereka yang mahir dalam dalam sastrawan, didapati tidak pernah menghasilkan sebarang jenis syair yang mereka jadikan sebagai selawat untuk memuji Rasulullah Saw. Sepatutnya mereka inilah yang sepatutnya lebih awal menghasilkan selawat untuk memuji nabi. Sekiranya amalan ini digalakan, maka sudah tentu merekaalah golongan pertama yang mencipta selawat-selawat tertentu untuk memuji Baginda Rasulullah Saw. Selawat-selawat yang diamalkan pada hari ini seperti selawat syifa, kamilah, fateh dan sebagainya merupakan rekaan orang-orang tertentu dalam berlebih-lebihan memuja nabi (suara sunnah, 2024). Mereka menukil pandangan Imam Ibn Hajar dalam kitab Fathul Bari yang menyebut bahawa lafaz selawat yang diajarkan nabi sudah memadai dan bermanfaat untuk diamalkan oleh umat yang hidup pada hari ini.

*“Apa yang disampaikan oleh Nabi SAW kepada para sahabat RA tentang kaifiyah (dalam membaca selawat) ini setelah mereka bertanya kepada baginda, menjadi petunjuk bahawa itu adalah nas selawat yang paling utama kerana Nabi SAW*

*tidaklah memilih bagi dirinya kecuali yang paling mulia dan paling sempurna.”*  
*(Fath al-Bari).*

Dalam usaha untuk membuktikan kebenaran dakwaan mereka agar umat menjauhi bid'ah dalam selawat, admin suara sunnah.com turut menukil pandangan dari Imam Nawawi dalam kitabnya yang berjudul *azkar* bahawa Imam Nawawi (w.676H) turut mengkritik mereka yang menambah lafaz atau ayat dalam selawat (suara sunnah, 2024)

*“Nabi SAW telah mengajarkan kita tatacara berselawat kepada baginda. Oleh kerana itu, tambahan yang ada merupakan tambahan kepada sabda Nabi SAW.”*  
*(Al-Azkar)*

Tidak hanya itu, bacaan selawat yang diringi dengan alunan rentak dan lagu tertentu juga turut menerima kritikan. Bacaan selawat kamilah yang terkenal dengan bacaan yang berlagu memang sering dikritik sebagai bacaan selawat yang mencemarkan ketulenan ajaran Islam. Malah membacanya dengan cara begitu dalam masjid, juga menjadi satu bid'ah yang dianggap boleh melalaikan seseorang dari tujuan utamanya untuk hadir ke masjid dan surau. Mereka mendakwa bahawa apa yang telah diajarkan oleh Nabi saw sudah cukup untuk menjadi amalan seseorang untuk mendekatkan diri dengan Allah. Lagu-lagu yang dibawakan oleh kumpulan habaib dan tarekat Alawiyah hanyalah melalaikan seseorang dari tugas utamanya kepada Allah.

### Objektif Dan Persoalan Kajian

Secara ringkasnya, tumpuan kajian kualitatif ini menetapkan dua objektif utama iaitu:

1. Mengenalpasti kepentingan berselawat, hukum penganjuran majlis selawat secara berjamaah yang dianjurkan terutama majlis selawat kamilah di Negeri Johor
2. Menganalisa bentuk bacaan dan penganjuran majlis selawat kamilah di Negeri
3. Menentukan status hukum beramal dengan amalan selawat kamilah ini adakah dianggap bidaah serta khurafat dalam dalam Islam.

### Kajian-Kajian Lalu

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa kajian lepas berkaitan dengan aplikasi amalan selawat kamilah, terutama kajian ilmah dari para sarjana Indonesia antaranya:

Buku Shalawat Nariyah, Sejarah dan Khasiatnya, karya Dr H.Alvian Iqbal Zahasfan SSI.Lc, MA seorang sarjana dari Surabaya Jawa Timur Indonesia. Penulis buku yang membahas secara khusus selawat nariyah dengan agak menyeluruh. Penulis menghasilkan karya ini sebagai kajian PhD nya di Maghribi. Tumpuan kajian beliau membahas sejarah bermulanya selawat kamilah yang melibatkan tokoh pengarangnya, asal usul selawat ini didalam biografi ulama yang sezaman dan sesudah Maulana Ibrahim alTazi, teknik bacaan selawat, syarah selawat berdasarkan hadis nabi. Dalam buku ini juga, penulis menjawab segala tohmahan dan polemik berkaitan selawat seperti bertawasul dengan para Nabi telah dijawab dengan menyeluruh. Begitu juga implikasi serta kesan pengamalan selawat ini telah diuraikan dengan begitu baik.

Artikel bertajuk *The Practice of Salawat Nariyah in Rural Javanese Society In Indonesia: Religiosity or Sociality*. Ia adalah kajian yang dilakukan oleh Muhaamad Pribadi dan Nurdin. Kajian ini menumpukan sekumpulan masyarakat muslim luar bandar Yogyakarta Indonesia. Mereka cuba merungkai kedudukan ibadah selawat nariyah ini adakah ianya sebuah ibadah ataupun amalan kebudayaan. Menurut kajian ini, mereka memaparkan pada semua jenis selawat yang terkenal di Yogyakarta seperti Selawat Ibrahimiyah, Selawat Fatih, Selawat Nur Anwar,

Selawat Mukafaah dan Selawat Matsura, mendapati Selawat Nariyah telah menduduki carta yang paling masyhur terutamanya di kalangan penduduk di Yogyakarta. Menurut penulis lagi, dari pemerhatianya lagi, ibadah selawat nariyah berkesan dalam menghasilkan keperibadian muslim yang tinggi, kesatuan umat yang utuh serta mengangkat nilai dan martabat kemannusian yang tinggi.

Artikel berjudul *Geneologi Tradisi Selawat Nariyah di Desa Kroya, Cilacap, Timur Indonesia*. Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fachrur Razi. Beliau memaparkan sebuah kecerdasan umat dalam memahami seruan hadis nabi kepada umat untuk berselawat. Menurut beliau, amalan membaca selawat nariyah ini membuktikan wujudnya tahap kesedaran umat untuk berilmu dan beramal dengan ilmu mereka. Meneliti dalil-dalil akan kewajiban berselawat, pengkaji mendapati bahawa penduduk di Desa Kroya telah mengamalkan selawat ini sejak puluhan tahun pada tahap yang begitu baik. Menerusi kajianya, budaya bacaan selawat nariyah ini menjadi pemungkin yang menghidupkan visi hidup bermasyarakat yang ideal di Desa Kroya, Cilacap. Kemunculan zawiyyah dan yang akhirnya menjadi pesantren seawal tahun 1950an telah membumikan lagi kenyataan bahawa amalan bacaan selawat nariyah ini telah berjaya melestarikan kehidupan bermasyarakat yang begitu cemerlang hingga ia dipilih menjadi lokasi penelitian.

Artikel berjudul *Kota Santri, Bumi Selawat Nariyah dan Bule Dhika, Reproduksi Kebudayaan Pandulungan Dalam Konstruksi Identitas di Situbondo*. Artikel yang dihasilkan oleh Mohamad Isfironi ini menggambarkan hubungan simbiosis antara agama dan budaya. Melalui kajianya, semua budaya yang berkembang dimana sahaja manusia itu berada adalah hasil dari akumulasi pemahamannya terhadap nilai-nilai agama. Proses akulterasi budaya yang begitu lama terhadap nilai-nilai ini telah membuka jalan yang lebih luas untuk satu-satu budaya ini berkembang. Dalam hal ini, penulis memberikan tumpuannya terhadap kehidupan bermasyarakat yang didominasi oleh kalangan santri tinggal di sebuah kawasan yang dinamakan sebagai Pandulungan, Situbondo, Jawa Timur Indonesia. Sebagai sebuah kota yang dijuluki sebagai Kota Santri, kota ini didiami oleh ramai santri yang mondok di pesantren yang bertebaran di Kota Situbondo.

Artikel berjudul *Selawat Nabi in The Construction Of Local Sufist And Revivalist In Indonesia*, sebuah artikel yang dihasilkan oleh Zety Azizatun Ni'mah. Artikel ini menghuraikan bagaimana peranan selawat yang telah diamalkan ini telah melahirkan 2 jenis pemikiran dalam Islam. Kumpulan pertama merupakan kumpulan yang dianggap menghidupkan amalan berselawat dalam kehidupan. Mereka melaksanakan majlis-majlis selawat yang berisi puji-pujian kepada baginda Rasulullah SAW dan berkeyakinan majlis-majlis selawat ini mempu menyampaikan tujuan mereka untuk menghadirkan perasan cinta dan mahabbah kepada Rasulullah SAW. Kumpulan ini lebih dikenali sebagai kumpulan-kumpulan tarekat tasawuf yang banyak beramal dengan zikir dan selawat. Manakala sebuah lagi kumpulan, mereka lebih skeptikal dalam semua majlis-majlis zikir dan selawat. Mereka beranggapan bukan semua selawat yang dilantunkan dalam majlis-majlis selawat ini ditujukan untuk memuji Rasulullah, akan tetapi ada juga majlis selawat tersebut yang nemuji para sahabat dan juga habaib mereka.

Tesis bertajuk *Qurata Ayuni* dari Fakultas Ushuludin dan Filsafat Universiti Islam Negeri Ar-Raniri, Aceh, Indonesia berjudul *Selawat Kepada Nabi Dalam Perspektif Hadis*. Tesis ini merupakan hasil kajian mendalam beliau terhadap yang menjelaskan akan lafaz-lafaz selawat ke atas nabi.

## Sejarah Asal Dan Pengalaman Majlis Selawat Kamilah Di Negeri Johor (1940m-2024m)

Terdapat juga pendapat bahawa selawat ini dipopularkan oleh cicit Baginda Nabi Muhammad saw yang bernama Imam Ali Zainal Abidin bin Husin bin Ali bin Abi Talib (w. 95H). Juga terdapat pandangan bahawa selawat ini mula tersebar luas apabila anak murid Sheikh Ibrahim al-Tazi yaitu Sheikh Abdul Wahab al-Tazi (w. 866H) mula mengijazahkan selawat ini kepada ramai beberapa penuntut ilmu yang berguru di kota Mekah dan Madinah. Bermula dari saat itu, ramai penuntut ilmu yang rata-ratanya dari kepulauan melayu mula menerima sanad pengijazahan zikir dan berbagai jenis selawat dan salah satunya adalah selawat kamilah. Apabila penuntut ilmu ini kembali ke tanahair, yang kebanyakannya dari Kepulauan Nusantara (baca Asia Tenggara) maka bermulalah, selawat kamilah ini mula tersebar di ke seluruh pelusuk nusantara terutamanya di Malaysia dan Indonesia (Idrus, 2017).

Maka tidak harianlah, bacaan selawat kamilah ini begitu masyhur dikalangan penduduk di nusantara. Beberapa pesantren di Indonesia terutamanya yang penulis jejaki di Jawa Timur, bacaan selawat menjadi satu bacaan utama selain zikir yang menjadi silibus bacaan zikir dan selawat dikalangan penuntut di sana (Pribadi & Nurdin, 2021). Kebanyakan pesantren ini dinaungi oleh Persatuan Nahdatul Ulama', sebuah organisasi umat Islam yang teramai pengikutnya yang melebihi jutaan pengikut (Arifin, 2022). Selawat ini bukan sekadar diamalkan secara bersendirian, akan tetapi ia dibaca secara berjemaah dalam satu perhimpunan yang ramai. Kini bacaan selawat ini terus diamalkan secara berjamaah dan menjadi acara penting di daerah utama seperti di Kota Malang, Kota Sidoarjo, Kota Pekalongan, Kota Surabaya dan banyak lagi bandar-bandar utama di sana (Islamiah, 2017; Rozi, 2020).

Selawat Kamilah ini dipercayai mula bertapak di Negeri Johor seawal tahun 1940. Selawat ini mula berkumandang dibumi Johor apabila seorang ulama dari Jawa Timur telah berhijrah ke Kg Kundang Hulu, Muar, Johor. Kiyai Haji A. Samsudin bin Haji Redzuan (w. 1hb. Ramadhan 1418H) mula mengamalkan selawat ini sejak beliau tiba di Muar pada tahun 1938M. Beliau yang lahir pada 11hb. November 1911M, berasal dari Desa Kepet, Kacamatan Dagangan, Madiun Jawa Timur, Indonesia. Al-Marhum bersama teman rapatnya telah berkumpul pada setiap malam selasa untuk berwirid dan berselawat di sebuah lokasi yang dikenali sebagai Asrama Kayangan Perak di Parit Medan, Kg Parit Hulu, Kg Kundang Hulu, Muar, Johor (Ibnu Mohsin al-Muari, 2019).

Lokasi berwirid dan bertawajjuh ini, telah menjadi sebuah masjid yang di kenali sebagai Masjid Kiyai Samsudin, Parit Medan, Kundang Hulu, Muar. Menurut Y.B Dato' Md. Tahir bin Dato' Kiyai Hj A. Samsudin (Bekas Mufti Negeri Johor ke 11), ayahnya berkumpul di lokasi tersebut bersama tiga lagi sahabatnya yaitu Ustaz Hanan bin Sulaiman, Ustaz Afandi bin Hayat dan Ustaz Tahir bin Hayat. Mereka bertiga bersama almarhum telah bersama-sama berjuang berdakwah menyebarkan ajaran Islam serta mengamalkan ajaran tasawuf tarekat Naqsyabandiah Qadiriyah dengan majlis zikir dan selawat kamilah hingga ke akhir hayat mereka.

Tidak hanya tarekat Naqsyabandiah Qodiriah sahaja yang mengamalkan bacaan selawat kamilah ini. Tarekat Alawiyah, Badan Kebajikan Khaujakan, Tarekat Naqsyabandiah Khalidiyah dan Tarekat Shadiliah juga merupakan kumpulan tarekat yang menjadikan bacaan selawat sebagai bacaan rutin dalam wirid mereka. Kumpulan tarekat tasawuf ini aktif melaksanakan ajaran sufi tasawuf mereka pada awal 1940an hingga ke hari ini. Tarekat-tarekat ini jelas menjadikan bacaan selawat sebagai amalan-amalan utama dalam amalan tasawuf

mereka. Salah satu tarekat yang dikenal sebagai tarekat yang signifikan dengan selawat kamilah adalah tarekat Khaujakan. Tarekat Khaujakan ini telah mula bertapak di negeri Johor seawal tahun 1940an. Pengasas tarekat ini adalah Kiyai Hj Fadhil bin Abu Bakar al Bentani. Seorang ulama yang berasal dari sebuah daerah yang bernama Banten, Jawa Barat. Seorang ulama rohani yang sangat besar pengaruh kerohanianya dalam kerajaan Johor abad ke 19 dan awal abad ke 20. Lahir di Banten Jawa Barat tahun 1287H/1870M dan meninggal dunia pada 29hb. Jamadil Awal 1369/18hb. Mac 1950M di Bakri Muar Johor.

Menurut Ustaz Muhammad Hilmi (Setiausaha Badan Kebajikan Khujakan Johor), Kiyai Fadhil al-Bentani ini aktif dalam tarekat sejak beliau berada di Bentan Jawa Timur lagi. Musafir beliau ke Kota Mekah mempertemukan beliau dengan ramai tokoh tarekat pada ketika itu dan akhirnya memilih tarekat Naqsyabandiah Qadiriyah (TQN) sebagai wasilah tasawufnya manakala amalan membaca selawat kamilah beliau perolehi dari mursyid tarekat Tijaniah di Kota Mekah. Oleh sebab itu, dalam amalan wirid tarekat khaujakan terdapat bacaan selawat seperti selawat fateh dan selawat kamilah. Bermula tahun 1971 hingga ke tahun 2024, Badan Khaujakan Johor telah menganjurkan majlis bacaan selawat kamilah sebanyak 53 kali antara lokasi pelaksanaan MSK 4444 di Masjid al-Hijrah, Pekan Baru, Muar, Johor. Jika setiap kali acara bacaan selawat ini dibuat sebanyak 4444 kali, ini bermakna selawat kamilah ini telah bergema dibumi Johor sebanyak 235,532 kali. Ia adalah satu jumlah yang besar bagi satu acara bacaan selawat yang dilaksanakan dengan begitu terancang secara rapi dan tersusun. Kini Badan Khaujakan Johor yang di pimpin oleh seorang tokoh ulama Tuan Guru Hj Ahmad bin Tunggal (w. 5hb Ramdhan 1445H), Khaujakan Johor terus melaksanakan amanat pendiri dan tokoh-tokoh ulama terdahulu untuk mengamalkan wirid dan selawat kamilah hingga ke hari ini. Pengkaji telah berpengalaman mengikuti MSK tersebut sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2022 dan 2023.

Masyarakat muslim berketurunan India (Malbari) yang telah lama menetap di negeri Johor seawal awal tahun 1950an lagi juga menjadikan selawat kamilah ini sebagai bacaan minggu mereka. Menurut Ustaz Mohamad Rafi Abd Rahman (Setiausaha Majlis Selawat Kamilah Negeri Johor), masyarakat kaum India Malbari yang berasal dari daerah Kerala India, khususnya di negeri Johor telah mengamalkan bacaan selawat narriyah ini di kalangan ahli keluarga terdekat mereka sejak 1950an lagi. Majlis bacaan selawat ini dibaca pada setiap hari khamis dan bacaan selawat ini akan dibaca lebih kerap apabila salah seorang dari anggota keluarga mereka ditimpa dengan ujian kesihatan yang kronik. Semua ahli keluarga akan berkumpul dan akan membaca secara berjamaah, membaca selawat kamilah 4444 menggunakan biji manik atau biji jagung.

Menurut beliau lagi, bermula dari tahun 2011 mereka mula membaca selawat kamilah di surau tertentu di Ulu Tiram, beberapa tahun berikutnya banyak masjid dan surau yang berminat untuk menganjurkan bacaan selawat kamilah setelah Jabatan Agama Islam Negeri Johor memberikan kebenaran untuk siri bacaan selawat kamilah ini menjelajah lebih banyak lokasi di Johor Bahru. Masjid Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru merupakan salah satu masjid pertama yang telah dipilih untuk di adakan majlis bacaan selawat kamilah ini. Pada setiap siri bacaan selawat kamilah ini dijalankan, sambutan yang diterima adalah diluar jangkaan. Ia menerima respon yang sangat tinggi di setiap lokasi masjid dan surau yang dipilih untuk melaksanakan bacaan selawat kamilah ini.

Menurut Sheikh Dr Mohd Azman bin Mohsin al-Muari, (Timbalan Pengurus AsSahabah MSK) oleh kerana sambutan yang diterima dari masyarakat begitu luas biasa terhadap

penganjuran majlis bacaan selawat ini, maka pada tahun 2018, beliau bersama Ustaz Mohd Rafi bin Abdul Rahman telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang diberi nama sebagai “As-Sahabah MSK Negeri Johor”. Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaraskan permintaan dari masjid dan surau sekitar Negeri Johor untuk mengadakan majlis selawat ini. Disamping itu juga, penubuhan jangka panjangnya untuk memastikan tradisi bacaan selawat kamilah ini dapat dibumi langkitkan di negeri Johor Darul Takzim.

### Penganjuran Dan Kesukarelaan Peserta

Penganjuran Majlis Selawat Kamilah Negeri Johor, bukan bersifat berjadual secara tetap tanpa mengeluarkan sebarang peruntukan kewangan. Ia adalah penganjuran berdasarkan pemintaan, kerjasama dan penganjuran pihak pengurus dan ahli jawatankuasa masjid, surau, jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Agama Negeri Johor, Jabatan Mufti Negeri Johor, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, juga kerjasama penganjuran dari badan-badan berkanun seperti majlis bandaraya, perbandaran dan daerah, Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Pertubuhan Peladang Negeri Johor, Perbadanan Islam Negeri Johor, Wakaf an Nur, manakala di peringkat sekolah-sekolah permintaan dari para guru besar agama, rendah, hasrat dan permintaan dari pengetua sekolah menengah, permintaan dari Pusat Pengajian Tinggi seperti UTM, Skudai, Johor, UTHM, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Kolej Pengajian MARSAH (kini bergelar KUIJSI), Larkin, Johor, Maktab Penguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru. Termasuk madrasah, pusat pengajian tahniz serta terdapat juga permintaan dari permis perniagaan seperti Kilang Otak-Otak Johor Bahru, Kilang Susu Segar, juga memenuhi permintaan di rumahrumah kediaman sempena majlis aqiqah dan kesyukuran. Kebiasaan MSK dihadiri oleh para jamaah antara 300 hingga 400 orang. Jumlah yang paling ramai penyertaan jamaah dari 220 lokasi adalah di Masjid Kampung Tengah, Kluang Johor dianggar sejumlah 1,400 orang jamaah sehingga memenuhi ruang solat. Termasuk kebiasaan jumlah kehadiran yang ramai adalah di masjid-masjid Kerajaan dan masjid Felda-Felda Negeri Johor.

As-Sahabah MSK telah menganjurkan sebanyak lebih kurang 220 kali siri tidak termasuk secara online sejumlah lebih kurang 20 kali pada saat negara dilanda PKP di antara 2020 hingga 2022 di seluruh Negeri Johor. Penganjuran yang dianggap sebagai penganjuran yang memberikan impak besar kepada masyarakat adalah ketika negara sedang dilanda gelombang Covid19. Kerajaan yang memerintah pada ketika itu telah melaksanakan ordinan darurat negara dengan terlaksananya Perintah Kawalan Pergerakan yang mencetuskan sedikit suasana tegang dalam masyarakat sepanjang tahun 2021 hingga tahun 2022. Pengangguran, kes bunoh diri, kes kematian akibat covid19 dan segala macam musibah melanda negara terkumpul dalam tempoh beberapa bulan. Majlis selawat kamilah ini telah menyelamatkan ribuan jiwa rakyat khususnya di Negeri Johor yang begitu terkesan dengan wabak dan ordinan darurat yang dilaksanakan pada ketika itu.

Menurut Ustaz Mohamad Rafi bin Abd Rahman selaku Setiausaha MSK, rentetan dari sambutan hangat yang diterima dari segenap masyarakat yang berada di negeri Johor, bacaan selawat kamilah ini diperluaskan lagi hingga ke semua sekolah agama diseluruh negeri Johor. Dianggarkan 200,000 pelajar sekolah agama yang mendaftar sebagai murid di sekolah agama.

Melalui arahan Y.B Dato' Hj Md. Rofiki yang pada ketika itu Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor, beliau telah mengarahkan kepada semua sekolah agama yang berada dibawah tadbiran JAIJ agar melaksanakan bacaan selawat kamilah ini sebanyak 3 kali setiap seorang pelajar secara beramai-ramai sebelum mereka memulakan sesi persekolahan.

Murid-murid sekolah agama ini akan berkumpul di atas padang perhimpunan atau dewan terbuka untuk membaca selawat kamilah setelah selesai mereka melagukan lagu negaraku dan lagu bangsa Johor. Sekiranya setiap murid membaca selawat kamilah ini sebanyak 3 kali, bermakna dalam sehari, negeri Johor telah melantun selawat sebanyak 600,000 dalam sehari. Maka dalam sebulan, jika 26 hari persekolahan (tanpa Jumaat dan sabtu), maka jumlah bacaan nya sebanyak lima belas juta enam ratus ribu kali (15,600,000) selawat telah dilantunkan diseluruh negeri Johor. Angka ini tidak termasuk dengan bacaan selawat yang terus dilantunkan tanpa henti pada setiap waktu solat berjemaah di seluruh masjid/surau di negeri Johor, serta penganjuran oleh Majlis Selawat Kamilah di lokasi tertentu setiap minggu, yang setiap siri hampir mencapai ratusan jemaah.

Berdasarkan kepada temubual pengkaji mendapati peserta yang menyertai majlis selawat ini secara mingguan terutama pada malam khamis, jumaat dan sabtu dianggarkan seramai lebih kurang seratus orang secara konsisten. mereka hadir ke majlis menggunakan kenderaan masing-masing atau bas yang disediakan oleh penaja-penaja tertentu. Mereka yang menyertai terdiri dari pelbagai peringkat usia dan perkerjaan namun mereka secara sukarela gembira dan seronok mengikuti majlis ini walaupun terkadang lokasi yang jauh hingga larut malam baru sampai ke rumah masing-masing. Temuabual pengkaji juga mendapat peserta telah mendapati hajat-hajat kesejahteraan dan keselamat zahir dan batin mereka kebanyakannya telah dipenuhi oleh Allah SWT berkat bacaan selawat dan tawasul kepada Rasulullah saw seperti kesihatan, kesembuhan penyakit, hajat kejayaan dalam peperiksaan anak cucu, majoriti dominan dari jawapan-jawapan positif mereka kesan dan faedah menghadiri majlis tersebut ialah memperolehi rasa ketenangan jiwa dan perasaan selepas selesai menghadiri majlis.

### **Masa Dan Bentuk Aplikasi Amalan**

Masa dan hari penganjuran amalan Majlis Selawat Kamilah kebiasaan pada malam khamis, jumaat dan sabtu ini disebabkan para peserta lebih selesa majlis dianjurkan pada hari cuti bekerja keesokan harinya dimana Negeri bercuti penjawat awam negeri Johor adalah Jumaat dan Sabtu. Manakala masa yang paling ideal dan selesa adalah waktu antara solat maghrib hingga ke solat isya'. Antara tentatif dan pengisian MSK seperti jadual berikut :

**Jadual 1 : Tentatif dan Pengisian MSK**

| <b>MASA</b> | <b>PENGISIAN</b>  | <b>CATATAN</b>  |
|-------------|---|---|
| 6.45 petang | Bacaan al-Quran (ayat-ayat pilihan)   | Y.B Datuk Haji Birhan bin Abdul Rahman (Imam MSK)   |
| 7.15 malam  | Azan Maghrib  | Bilal Masjid/Surau/Bilal MSK  |
| 7.20 malam  | Solat Maghrib secara berjamaah  | Imam Masjid/Surau atau Imam MSK   |
| 7.35 malam  | Ucapan Aluan Penganjur  | Pengerusi Masjid/Surau/ Penganjur   |
| 7.45 malam  | Tazkirah Ringkas dan bacaan niat i'tikaf di masjid surau serta hajathajat khusus kesejahteraan dan keselamatan batin dan zahir termasuk memohon husul khatimah di saat kematian | Dr. Haji Mohd Azman bin Mohsin (pembimbing MSK) atau Pengerusi MSK atau mana-mana para Asatizah yang dipilih untuk menyampaikan tausiyah selama lebih kurang 15 minit (Berkaitan Selawat ke Atas Nabi Muhammad saw) |

|            |   |  |
|------------|---|--|
| 8.15 malam | Majlis Selawat Kamilah, Bacaan Asma Rasul, Tahlil (Tasbih, Allah, Istigfar, Ayat Kursi, 3 Qul, Doa Tahlil dan Qasidah Khususiyat Rasulullah oleh Sheikh Nawawi al-Banteni (w.1314H)<br>(Buku panduan MSK juga telah diterbitkan dan diedar kepada jamaah) | Dr Haji Mohd Azman bin Mohsin (pembimbing MSK) atau Pengurus MSK atau mana-mana para Asatizah yang dipilih untuk menyampaikan tausiyah selama lebih kurang 30 minit hingga 1 jam |
| 8.30 malam | Azan Isya dan sambung MSK hingga selesai  | Bilal Masjid/Surau/Bilal MSK   |
| 9.15 malam | Solat Isya', bacaan surah mulk dan solat sunat badiyah  | Imam Masjid/Surau atau Imam MSK  |
| 9.30 malam | Jamuan malam dan bersurai   | Penyediaan oleh para urusetia penganjur  |

Jadual di atas antara bentuk aplikasi amalan MSK yang biasa diamalkan dimana majlis zikrullah yang dianjurkan melalui platform MSK antara pengisian yang ringkas dan padat iaitu dua solat waktu berjamaah, bacaan al-Quran, zikrullah dan majlis ilmu atau tazkirah ringkas. Pengkaji mendapati majlis yang memiliki pakej zikrullah yang lengkap sebagaimana anjuran zikrullah dalam al-Quran yang empat iaitu solat, bacaan al-Quran, majlis ilmu dan zikrullah secara berjamaah. Hal ini pasti akan menghasilkan natijah yang baik kerana MSK adalah majlis yang baik berdasarkan sumber al-Quran dan hadis-hadis sahih yang direkodkan oleh Imam Bukhari dan Muslim berkaitan dengan majlis taman syurga Allah SWT dan dihadiri oleh para malaikat yang memohon rahmat dan keampunan Allah SWT bagi hajat-hajat peserta dan pencinta MSK kerana Allah SWT semata-mata.

### **Struktur Organisasi As-Sahabah Msk Negeri Johor**

Organisasi ini bukanlah satu tarekat, namun meneruskan usaha dakwah menyeru umat Islam agar memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad saw sebagaimana perintah Allah SWT dan mengharapkan hidup yang dicintai Allah, Rasulullah saw dan umat Islam keseluruhannya. Organisasi masih belum didaftar kepada Register Of Society (ROS) selama pergerakkan majlis dari awal lagi, namun masih terus berjalan dan berkhidmat dengan jayanya kerana mencari keredhaan Allah SWT. Berikut adalah senarai nama jawatan dalam organisasi MSK Negeri Johor :

#### **PENASIHAT 1**

Yang Berhormat, Dato' Haji Nooh bin Gadut,  
Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor (Bekas Mufti Kerajaan Negeri Johor ke 10).

#### **PENASIHAT 2**

Yang Berhormat, Dato' Haji Md. Tahrir bin Dato Kiyai Hj A. Samsudin,  
Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor (Bekas Mufti Kerajaan Negeri Johor ke 11)

#### **PENGERUSI**

Yang berhormat, Dato' Haji Md. Rofiki bin Dato Kiyai Hj A.Samsudin,  
(Bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor)

## **TIMBALAN PENGERUSI**

Dr Haji Mohd Azman bin Haji Mohsin al-Muari  
(Dekan Sekolah Dakwah, Kolej Universiti Islam Johor, Sultan Ibrahim)

## **SETIAUSAHA**

Ustaz Mohamad Rafi bin Abd Rahman  
(Guru Sekolah Kebangsan, Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor).

## **BENDAHARI**

Haji Yusof bin Ali  
(Ahli Perniagaan)

9 Ahli Jawatankuasa yang dilantik tidak termasuk penyelaras MSK di daerah-daerah dalam Negeri Johor iaitu Johor Bahru, Kulai, Kota Tinggi, Mersing, Pontian, Kluang, Batu Pahat, Muar dan Segamat bagi mengerakkan tugas penganjuran dan perlaksanaan majlis di lokasi tersebut.

### **Antara Tema Dan Lokasi Penganjuran MSK**

Tema dalam dakwah penganjuran MSK dengan nama-nama yang berbeza antaranya Johor Bahru Berselawat, Semarak Selawat Kamilah/Nariyah/Tafriyyah, Malam Cinta Rasul, Semarak Haruman Selawat, Jom Berselawat dan lain-lain bersempena program tertentu terutama majlis Maulid Nabi terutama pada bulan Rabiul awal, Rabiul Akhir, Jamadil Awal dan Jamdil Akhir. Antara keunikan majlis sambutan Maulid Nabi di Johor berbanding negeri lain ialah penganjuran majlis maulid Nabi hingga 4 bulan tempoh masanya, manakala keistimewaan MSK ini pula tiada had waktu tertentu masa penganjuran serta lokasi yang bersesuaian untuk majlis, sehingga terdapat juga penganjurannya pada bulan Ramadhan sempena majlis berbuka puasa. Apa yang menjadi hasrat utama bagi pengurusan As-Sahabah MSK ialah agenda dakwah mengajak masyarakat Islam di negeri ini sentiasa membudayakan selawat, cinta Rasulullah saw dan sesama umat Islam.






Berikut adalah data 12 lokasi dari 220 lokasi MSK terpilih yang pernah dilaksanakan di seluruh daerah dan Negeri Johor antara tahun 2018M-2024M samada secara fizikal atau secara online kerana negara menghadapi wabak covid 19 (18hb Mac 2020 hingga 1hb April 2022) lebih dari 20 kali online (Fb As Shahaabah Selawat Nariyah).

**Jadual 2 : Contoh 12 lokasi terpilih dari 220 lokasi MSK dari 2018M-2024M**

| BIL | TARIKH/HARI                          | TEMA   | LOKASI   | PENYERTAAN         | PENTAUSIAH                                   |
|-----|--------------------------------------|--|--|--------------------|--|
| 1.  | 5hb Januari 2018 (Maghrib Jumaat)    | Pelancaran Majlis Selawat Nariyah/Kamilah 4444 | Surau alRaudah, Taman Bukit Tiram, Ulu Tiram, Johor Bahru  | Anggaran 250 Orang | Sheikh Dr Haji Mohd Azman bin Mohsin alMuari |
| 2.  | 23hb Februari 2018 (Maghrib, Jumaat) | Pelancaran Majlis Selawat Nariyah/Kamilah 4444 | Masjid Taman Bukit Tiram, Ulu Tiram, Johor Bahru           | Anggaran 400 orang | Sheikh Dr Haji Mohd Azman bin Mohsin alMuari |
| 3.  | 8hb November 2018 (Maghrib, Khamis)  | Pelancaran Majlis Selawat Nariyah/Kamilah 4444 | Madrasah Tahfiz al-Quran (MATAM), Tanjung Genting, Mersing | Anggaran 350 orang | Sheikh Dr Haji Mohd Azman bin Mohsin alMuari |

|     |   |   |   |                         |  |
|-----|---|---|---|-------------------------|--|
| 4.  | 1hb Mac 2019<br>(Maghrib,<br>Jumaat)                    | Pelancaran<br>Majlis Selawat<br>Nariyah/Kamilah<br>4444   | Masjid Larkin, Bomba, Johor<br>Bahru  | Anggaran 350<br>orang   | Sheikh Dr Haji<br>Mohd Azman<br>bin Mohsin<br>alMuari  |
| 5.  | 26hb April 2019<br>(Maghrib,<br>Jumaat)                 | Pelancaran<br>Majlis Selawat<br>Nariyah/Kamilah<br>4444   | Masjid Sultan Ismail, Batu Pahat<br>(Masjid Daerah Kerajaan Negeri<br>Johor)  | Anggaran 550<br>orang   | Sheikh Dr Haji<br>Mohd Azman<br>bin Mohsin<br>alMuari bersama<br>Kadi Daerah<br>Batu Pahat,<br>Johor                           |
| 6.  | 3hb Januari<br>2020<br>(Maghrib,<br>Jumaat)             | Majlis Selawat<br>Nariyah/Kamilah<br>4444   | Rumah Kediaman Tuan Haji<br>Lokman bin Abu Bakar, Ahli<br>MAINJ. Jalan Padi Huma 6,<br>BBU, Johor Bahru   | Anggaran 250<br>orang   | Sheikh Dr Haji<br>Mohd Azman<br>bin Mohsin<br>alMuari  |
| 7.  | 4hb September<br>2020<br>(Maghrib,<br>Jumaat)           | Pelancaran<br>Majlis Selawat<br>Nariyah/Kamilah<br>4444   | Masjid Kampung Melayu Majidi,<br>Johor Bahru, Johor (Masjid<br>Daerah Kerajaan Negeri Johor)  | Anggaran 500<br>orang   | Al-Marhum<br>Sheikh Fahmi<br>bin Abdul<br>Samad, Kadi<br>Daerah Johor<br>Bahru, Johor<br>(Wafat esok<br>harinya di<br>Mersing) |
| 8.  | 16hb Julai 2021<br>(Maghrib,<br>Jumaat)<br>PKP Covid 19 | Pelancaran<br>Majlis Selawat<br>Nariyah/Kamilah<br>4444   | Secara online bersama Pegawai<br>Daerah Pontian, Pejabat Daerah<br>Pontian  | Anggaran 300<br>orang   | Sheikh Dr Haji<br>Mohd Azman<br>bin Mohsin<br>alMuari  |
| 9.  | 17hb Julai 2021<br>(Maghrib,<br>Sabtu)<br>PKP Covid 19  | Pelancaran<br>Majlis Selawat<br>Nariyah/Kamilah<br>4444   | Secara online bersama warga<br>kerja Kolej Pengajian Islam<br>Johor (MARSAH) kini dikenali<br>Kolej Universiti Islam Johor<br>Sultan Ibrahim (KUIJSI) | Anggaran 150<br>orang   | Prof Madya Dr<br>Husin bin<br>Salomon,<br>Rektor<br>MARSAH   |
| 10. | 24hb Disember<br>2023<br>(Ahad)                         | Semarak Selawat<br>Narriyah<br>Tafrijiyah 4444<br>Bersama Dewan<br>Perniagaan<br>Melayu Malaysia                                    | Anjung Melayu, Dewan<br>Perniagaan Melayu Malaysia,<br>Jalan Bukit Petaling KL  | Anggaran 100<br>orang   | Dipimpin oleh<br>Y.B Dato' Haji<br>Md. Rofiki bin<br>Dato Kiyai Haji<br>A. Samsuddin   |
| 11. | 3hb November<br>2023<br>(Maghrib,<br>Jumaat)            | Malam Johor<br>Berselawat,<br>Festival<br>Usahawan<br>Nusantara   | Stadium Tertutup Majlis<br>Bandaraya Johor Bahru Larkin,<br>Johor Bahru, Johor  | Anggaran 500<br>orang   | Dipimpin oleh<br>YB Dato' Haji<br>Md Rofiki bin<br>Dato Kiyai Haji<br>A. Samsuddin   |
| 12. | 29hb Februari<br>2024<br>(Isya',<br>Khamis)             | Pasir Gudang<br>Berselawat<br>(Selawat<br>Kamilah dan<br>Bacaan Maulid<br>Daibaie)<br>Sempena<br>Festival Layang-<br>Layang Sedunia | Dataran Layang-Layang, Pasir<br>Gudang, Johor Bahru, Johor  | Anggaran 2,000<br>orang | Sheikh Dr Haji<br>Mohd Azman<br>bin Mohsin<br>alMuari  |

## Antara Dokumen Sokongan MSK 2018-2024 (7 Tahun)



Kitab Tradisi Amalan Tarekat Muktabarah susunan Dr. Ibnu Mohsin al-Muari cetakan 2018 dan 2019 sebanyak lebih kurang 5,000 naskah, kitab panduan amalan selawat kamilah telah dicetak pada tahun 2023 sebanyak lebih kurang 2,000 naskah sebagai edaran kepada para jamaah MSK.

### Kesimpulan

Pengkaji menyimpulkan bahawa bacaan selawat kamilah/nariah/tafrijiyah/taziyah atau Qurtubiyah ini bukan bersumberkan dari Baginda Nabi Muhammad saw, mahupun para sahabat dan tabien, namun diilhamkan selawat ini kepada seorang tokoh zuriat Rasulullah saw iaitu Imam Ali Zainal Abidin bin Husin bin Ali bin Abi Talib (w.95H), terdapat juga pandangan oleh seorang ulama dari negara Maghribi iaitu Sheikh Ibrahim al-Wahrani al-Tazi (w.866H). Sighah selawat yang menggambarkan mukjizat kenabian yang dengan barakah Baginda segala perkara yang sulit, sukar dan susah menjadi mudah dan senang, yang terikat menjadi terurai, yang derita menjadi bahagia, segala impian menjadi kenyataan. Itulah hal keadaan Baginda ketika para sahabat memerlukan bantuan dan khidmat doa-doa Baginda Rasulullah saw.

Selawat ini pada asalnya dibaca dan diamalkan secara sendirian, kini mengalami fasa perubahan dan sudah diamalkan secara berjamaah, terbuka dan diinovasikan aplikasinya berdasarkan kesesuaian dakwah semasa. Tidak hanya dilantunkan bacaan secara berjemaah, malah ia dijadualkan dan diprogramkan secara berkala dengan lebih baik oleh mereka yang cerdas dalam metodologi dakwah secara mudah dan berhikmah. Menurut pemerhatian dan penelitian pengkaji, dakwah berhikmah seumpama ini mendapat sambutan yang amat menggalakan, walaupun pada peringkat awalnya yang dilaksanakan oleh Badan Kebajikan Jamaah Khujakan Johor dilaksanakan kepada para ahlinya sekitar 20,000 orang sahaja. Namun dengan inovasi As-Sahabah MSK Negeri Johor jumlah pengamalnya meningkat kepada masyarakat Islam di seluruh negeri Johor di semua peringkat kanak-kanak hingga dewasa. Ini merupakan satu sumbangan yang besar kepada umat Islam di negeri ini.

Kesan dan impak positif terhadap MSK yang menghasilkan kesejahteraan dan keselamatan zahir dan batin pengamalnya telah menjadikan program ini diminati di semua peringkat terutama para pemimpin masyarakat. Program seumpama ini juga secara tidak langsung amat bertepatan dengan hasrat kerajaan Johor bagi memastikan pengukuhan aqidah ahli sunnah wal jamaah aliran mazhab Shafiyah, Asyairah, Maturidiah, Junaidiyah dan Ghazaliah dari sudut ilmu fiqh, aqidah dan tasawuf (akhlah). Ini terhasil barakah dari keberuntungan selawat kepada ibu segala kesejahteraan dan keselamatan manusia dunia dan akhirat iaitu Baginda Rasulullah saw. Harapan pengkaji agar model MSK akan dibuat kajian lanjutan secara akademik di peringkat doktor falsafah serta inovasi MSK ini dapat dikembangkan ke negeri lain dalam Malaysia.

## Rujukan

- Ahmad Tunggal (2017). Khazanah Khaujakan, Badan Kebajikan Jemaah Khaujakan Johor
- Ari Wahyudi. (2022, October 13). *Shalawat Nariyah*. [www.muslim.or.id/54](http://www.muslim.or.id/54)
- Arifin, M. (2022). Membumikan Akidah Melalui Syi'ir: Study Nilai-Nilai Akidah dalam Syi'ir Jama'ah Shalawat Nariyah Walisongo Desa Moneck Timur Lenteng Sumenep Madura.
- Humanistika : Jurnal Keislaman*, 8(1). <https://doi.org/10.55210/humanistika.v8i1.763>
- A'yuni, Q. (2016). Salawat Kepada Nabi Dalam Perspektif Hadis *Qurrata A'yuni*. (18). <http://substantiajurnal.org>
- Erwanto, D., & Athaillah, M. (2023). *Tafsir Surat al-Ahzab 56: Variety, Meaning and Practice of Shalawat in the Archipelago*. <https://doi.org/10.33367/al>
- Laman Web FB As Shahaabah Selawat Nariyah,
- Harsoyo, A. P. (n.d.). *Mukjizat Numerikal Al-Quran*.
- Ibnu Mohsin al-Muari (2019), Tradisi Amalan Tarekat Muktabarah, Percetakan Bumi Restu, Bandar Baru Permas, Johor Bahru, Johor
- Islamiah, D. (2017). Budaya Selawat sebagai Fenomena Religiositas pada Grup Rebana Abu Nawas Dusun Tegalrejo Plemahan Kediri. In *Fakultas Ushuluddin, Jurusan Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir* 4 (1).
- Muhammad Idrus Ramli (2017). Dalil & Khasiat Shalawat Populer. Al-Hujjah Press, Pondok Pesantren al-Hujjah
- Munawir, Ahmad Warson, (1984). Al Munawir Kamus Arab-Indonesia. Pustaka Progresif. Yogyakarta. Indonesia
- Ni'mah, Z. A. (2020). Selawat Nabi In The Construction Of Local Sufis And Revivalists In Indonesia. *Didaktika Religia: Journal of Islamic Education*, 8(2), p.
- Pribadi, M., & Nurdin, N. (2021). The Practice of Salawat Nariyah in Rural Javanese Society Indonesia: Religiosity or Sociality? *Review of International Geographical Education Online*, 11(5), 2545–2555. <https://doi.org/10.48047/rigeo.11.05.152>

- Rozi, A. F. (2020). Genealogi Tradisi Shalawat Nariyah di Desa Kroya. *SANGKéP: Jurnal Kajian Sosial Keagamaan*, 3(1). <https://doi.org/10.20414/sangkep.v3i1.1802>
- Warta Kerajaan Negeri Johor Siri 1 dan 2. Himpunan Fatwa-Fatwa Aqidah Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor. Jabatan Mufti Johor
- Admin, 2024, Selawat Tak Kena Tempat, Laman Sesawang <https://www.suarasunnah.my/selawat-tak-kena-tempat/>
- Zahasfan, A. I. (2020). *Shalawat Nariyah, Sejarah dan Khasiatnya* (A. I. Zahasfan, Ed.; 1st ed., Vol. 1). IMTIYAZ.
- Zamhari, A., & Mustofa, I. (2020). The Popular Da'wah Movement In Urban Communities: The Role Of Hadrami Scholars' Da'wah In Response To Religious Radicalism In Indonesia. *Akademika : Jurnal Pemikiran Islam*, 25(1). <https://doi.org/10.32332/akademika.v25i1.2385>